

# UPM komited bangunkan Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Perhutanan di Perak, perkasa penyelidikan hutan tropika

Oleh: Noor Eszereen Juferi



**SERDANG, 5 Ogos** – Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FHAS), Universiti Putra Malaysia (UPM), komited membangunkan Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Perhutanan di Pulau Banding, Gerik, Perak bagi memperkasakan penyelidikan hutan tropika.

Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah berharap melalui komitmen ini akan menjadi platform penting UPM dalam menyokong agenda Persekitaran, Sosial dan Tabdir Urus (ESG) serta Kesihatan Planet (planetary health) negara.

"Ini adalah sejajar dengan hasrat Pelan Strategik UPM 2021-2025 dalam mewujudkan hab penyelidikan dan inovasi yang menjanakan nilai berteraskan ekosistem lestari yang kini menjadi keperluan untuk negara," katanya.



Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan turut mengambil peluang untuk menyantuni pelajar Bachelar Sains Taman dan Rekreasi, FHAS, UPM yang sedang mengikuti Amali Kemahiran Rekreasi Luar di Tasik Temenggor, Perak.

Dekan FHAS, UPM, Prof. Dr. Azlizam Aziz berkata cadangan pembangunan pusat penyelidikan yang mempunyai keluasan sebanyak 1.4601 hektar akan dijalankan secara tiga fasa membabitkan aktiviti penyelidikan, pendidikan serta pengembangan dan khidmat profesional yang menggunakan kepakaran UPM.

“Matlamat utama penubuhan pusat ini adalah untuk meningkatkan kerjasama penerokaan ilmu perhutanan dan sumber alam semula jadi antara UPM dengan Kerajaan Negeri Perak. FHAS UPM berhasrat untuk menjadikan pusat ini sebagai tumpuan saintis dari dalam dan luar negara dalam bidang biodiversiti hutan tropika,” katanya.



Dalam pada itu, sesi lawatan kerja ini turut disertai oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti, wakil dari Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA), UPM, UPM Holdings, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak serta wakil komuniti setempat.